



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 OGOS 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAHA 2022 MULA BUKA TIRAI HARI INI, NEGARA, KOSMO -6 LAMUN KELULU DEDAH ILMU PENTERNAKAN, DALAM NEGERI, UM -9 MAHA TAMPIL 'KLUSTER BAHARU' AGRO, DALAM NEGERI, UM -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	MARITIM RAMPAS 23 SET BUBU NAGA, NEGERI P.PINANG, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	NAFAS TAWAR BAR EMAS DI MAHA 2022, NEGARA, KOSMO -5 NAFAS MENANTI PENGUNJUNG BERTUAH UNTUK MENANGI BAR EMAS SEMPENA MAHA 2022 BERMULA HARI INI, NASIONAL, SH -5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	BERNAS TAWAR HADIAH BEKALAN BERAS SELAMA SETAHUN, NEGARA, KOSMO -5 DUA EKOR AYAM HARGA SEEKOR, LICIN 30 MINIT, NEGARA, KOSMO -16 KEBUN SAYUR 'TITIAN KASIH', GAYA TANI, UM -24 PENDAPATAN TAMBAHAN, GAYA TANI, UM -25 WUJUDKAN SKIM PENCEN PESAWAH, FORUM, UM -18 PAS JALIN KERJASAMA STRATEGIK DI SABAH, PERIKATAN NASIONAL, HAKAH - H14 GELAK, PERLI MAKANAN BERJAYA, LOKAL, HM -18 AGRO FOOD PARK SEDIA BARANGAN PERTANIAN, MAKANAN SEDAP, NEGERI SELANGOR, SH -24 LAMBAKAN AYAM: PENTERNAK KECIL BERISIKO GULUNG TIKAR, DALAM NEGERI, UM -31 URBAN FARMING THE WAY FORWARD FOR FOOD SECURITY, NEWS, THE SUN -2 'LET US EXPORT AGAIN', NEWS, THE STAR -1 FARMERS: LIFT CHICKEN EXPORT BAN, NATION, THE STAR -4	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



PETUGAS giat melakukan persiapan akhir semalam di Castle of Fruits, MAEPS di Serdang sempena MAHA 2022 yang bermula hari ini. – FARIZ RUSADIO

Pameran 11 hari di MAEPS tumpu pertanian tempatan

MAHA 2022 mula buka tirai hari ini

Oleh HARRITH HISHAM

SERDANG – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 mula membuka tirai hari ini dijangka menerima sambutan yang amat menggalakkan.

Pameran dwitahunan yang kali terakhir diadakan pada 2018 itu akan berlangsung selama 11 hari di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini sehingga 14 Ogos ini.

Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati, persiapan terakhir giat dilakukan petugas sukarelawan, pempamer dan juga peniaga bagi memberikan pengalaman terbaik kepada pengunjung.

Petugas Sukarelawan Pengurusan Pempamer, Rohaizad Ramly berkata, persediaan yang dilaksanakan hampir dua bulan



itu melibatkan pelbagai pihak supaya MAHA 2022 dapat berlangsung dengan lancar.

“Konsep yang dibawa pada tahun ini masih dikekalkan seperti terdahulu, namun kelainan pada MAHA 2022 mengetengahkan lebih banyak pempamer tempatan berbanding sebelum ini.

“Pada tahun ini, kita dapat saksikan lebih ramai pempamer tempatan disebabkan tiada penyertaan daripada pihak antarabangsa,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Rohaizad berkata, dia turut menjangkakan kehadiran pengunjung yang luar biasa ekoran

penganjuran MAHA tergendala selama empat tahun sebelum ini.

Sementara itu, Ketua Seksyen Promosi Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Mohd. Firdaus Zakaria berkata, sebagai pempamer yang sinonim dengan penyelidikan pertanian, UPM amat teruja untuk berkongsi maklumat bersama masyarakat.

“Kita harap untuk berkongsi dengan masyarakat tentang hasil pendidikan, kepakaran universiti dan teknologi terkini dalam pertanian dan juga ilmu pementahuan kepada masyarakat umum terutamanya dalam keadaan kita menghadapi krisis keselamatan makanan,” katanya.

Pameran pertanian terbesar dan berprestij itu juga menonjolkan sebanyak 1,500 gerai pameran dengan jangkakan 100,000 kehadiran pengunjung setiap hari.

Pelbagai hadiah menarik menanti pengunjung bertuah mulai hari ini hingga 14 Ogos

NAFAS tawar bar emas di MAHA 2022

Oleh SITI AISYAH SUKAIMI

PETALING JAYA – Pengunjung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 berpeluang memenangi hadiah bar emas seberat 50 gram menerusi peraduan jawab dan menang anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Pemangku Pengurus Besar NAFAS, Saripol Baharin Karim berkata, hadiah istimewa itu hanya akan diberi kepada seorang pengunjung yang memenangi peraduan itu di MAHA 2022 bermula hari ini hingga 14 Ogos.

"Melalui peraduan jawab dan menang, pengunjung yang berkunjung ke Paviliun NAFAS di Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang hanya perlu menjawab soalan mudah dan berpeluang menyertai cabutan bertuah.

"Selain bar emas, pengunjung juga berpeluang memenangi telefon bimbit, basikal lipat, tablet, seterika stim, televisyen



PAVILION NAFAS ketika MAHA 2022 meriah dengan kehadiran orang ramai di MAEPS, Serdang.

dan pelbagai lagi hadiah-hadiah yang lain," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, NAFAS turut menawarkan jualan harga murah beberapa produk terpilih daripada jenama Peladang dan

jualan penghabisan stok minyak pelincir Jenama NAFASLUBE.

"NAFAS juga akan menampilkan tiga cef yang akan membuat demo masakan berasaskan produk Jenama Peladang iaitu Cef Naem, Cef Danish Harraz dan Cef Zam

Akmal di Pentas Utama, Dewan A.

"Selain itu, NAFAS terlibat sama di Laman Mekanisasi, Laman Padi dan Laman Agroedutainment yang akan turut dimeriahkan dengan aktiviti serta mempamerkan

MAHA 2022
Malaysia Agriculture & Horticulture Show



SARIPOL BAHARIN

produk-produk keluaran NAFAS," katanya.

Mengulas lanjut, Saripol Baharin berkata, maklumat lanjut berkenaan aktiviti dan program anjuran Nafas sepanjang 11 hari di MAHA 2022 boleh didapati dengan melayari platform media sosial NAFAS.

Ujarnya, pengunjung dan pemain industri dijemput hadir melihat produk NAFAS di MAHA.

Bernas tawar hadiah bekalan beras selama setahun

Oleh AZMI NORDIN

PETALING JAYA – Padiberas Nasional Berhad (Bernas) meneruskan tradisi menyertai pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro (MAHA) 2022 di ruang pameran Dewan A dan juga Laman Padi di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Menariknya tahun ini, Bernas akan menganjurkan beberapa aktiviti dan pertandingan berserta hadiah menarik untuk dibawa pulang oleh pengunjung ekspo pertanian terbesar negara ini.

Menurut Bernas, hadiah utama berupa bekalan beras selama setahun, tempat kedua akan memenangi bekalan beras untuk enam bulan dan tempat ketiga pula bakal memenangi bekalan beras selama tiga bulan.

"Bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan, Bernas akan mempamerkan pelbagai informasi menarik untuk pengunjung MAHA 2022 mengenai tugas serta tanggungjawabnya di dalam melestarikan industri padi dan negara.

"Antara pertandingan yang bakal dianjurkan oleh Bernas adalah Teeka Berat Beras?, Chop 'til you drop!, No Pain No Grain, Pertandingan Badang Bernas, Rice Click dan Sup-rice!" kata Bernas dalam satu kenyataan se-



SEBAHAGIAN pengunjung melihat pameran beras dari pelbagai negara yang dibawa oleh Bernas bersempena MAHA 2022 di MAEPS Serdang.

malam.

Tambah kenyataan itu, pertandingan Teeka Berat Beras? adalah pertandingan meneka berat beras yang terdapat di dalam replika beras yang terletak di ruang pameran Bernas di Dewan A.

"Pengunjung perlu menjawab beberapa soalan mudah dan se-

terusnya meneka berat beras tersebut. Rice Click merupakan pertandingan gambar kreatif melalui platform media sosial yang bertemakan gambar beras-beras atau nasi.

"Pemenang akan membawa pulang RM1,000 bagi tempat pertama, RM750 tempat kedua,



RUANG pameran Bernas di MAHA 2022 terletak di Dewan A, MAEPS, Serdang.

RM500 untuk pemenang tempat ketiga, manakala lima pemenang suguhati akan memenangi RM100 setiap seorang," ujarnya.

Dalam pada itu, bertempat di Pentas Utama Dewan A, Bernas akan menganjurkan Pertandingan Badang Bernas pada 13 Ogos.

"Pertandingan yang akan bermula pukul 2 petang ini akan menguji kekuatan fizikal peserta untuk mengangkat kampil beras yang disediakan.

"Manakala di Laman Padi pula, pengunjung akan dijamu dengan Bubur Lambuk Istimewa Bernas, selain dapat melihat

sendiri demonstrasi pemrosesan padi di Kilang Mini Padi Bernas.

"Bernas juga menawarkan peluang pekerjaan buat mereka yang sedang mencari pekerjaan. Orang ramai berpeluang untuk berbincang dan menyerahkan resume kepada wakil Bernas pada empat sehingga enam Ogos nanti," katanya.

Sebarang maklumat lanjut bermubung aktiviti anjuran Bernas sepanjang di MAHA 2022 boleh melayari platform media sosial Bernas di Facebook, Instagram dan juga Twitter.



FARAH Farhanah Haron menguji rasa madu kelulut sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Laman Kelulut dedah ilmu penternakan

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**
utusannews@mediamulla.com.my

SERDANG: Pengunjung yang hadir ke Laman Kelulut di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini bersempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 berpeluang merasai sendiri keenakan madu kelulut segar dari koloni lebah tersebut.

Timbalan Pengarah Program Kawalan Biologi, Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Dr. Farah Farhanah Haron berkata, pelbagai aktiviti menyeronokkan turut menanti pengunjung di Laman Kelulut sepanjang 11 hari berlangsungnya MAHA 2022.

Menurutnya, antara aktiviti tersebut termasuk klinik pakar kelulut, apipuncture, pameran teknologi kelulut MARDI, demonstrasi penternakan dan pembuatan perangkap kelulut, demonstrasi pembuatan sabun propolis, kuiz, aktiviti 'green shoot' dan Tani Warrior, uji rasa madu serta jualan produk.

"Pengunjung perlu datang ke Laman Kelulut kerana di sini ada banyak aktiviti dan kita nak ke-

tengahkan kepada pengunjung peranan lebah kelulut ini penting untuk diversiti pertanian selain boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan kepada penternak.

"Laman ini turut memberi maklumat kepada pengunjung mengenai kaedah penternakan lebah kelulut serta teknologi dan produk berkaitan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Jelasnya, terdapat lima spesies lebah kelulut ditenak di laman berkenaan iaitu heterotrigona itama, geniotrigona thoracica, tetragonula laevipes, tetragonula geissleri dan tetrigona apicalis.

Katanya, kebiasaannya penternak akan menternak kelulut daripada spesies heterotrigona itama dan geniotrigona thoracica, namun kelulut spesies heterotrigona itama memberikan hasil yang lebih tinggi.

"Setiap satu rumah koloni terdapat satu spesies dan pengunjung boleh melihat perbezaan lebah itu selain madunya.

"Biasanya kelulut akan mencari sumber makanan dari nektar bunga yang mempunyai buah dan sumber nektar itu terdiri daripada nektar dari bunga, pucuk muda dan serangga," katanya.

MAHA tampil 'kluster baharu' agro

SERDANG: Kluster Agro Edutainment berkonsepkan penerokaan agro menjadi salah satu tarikan baharu sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung bermula hari ini sehingga 14 Ogos.

Timbalan Pengurus Besar Operasi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Abd. Rahman Mahmood berkata, kluster tersebut mengetengahkan pelbagai daya tarikan dan inovasi mekanisasi serta pendidikan berkaitan pertanian, perikanan, penternakan dan keusahawanan.

Menurutnya, laman subkluster utama dipamerkan meliputi Paddy Tech, Urban Farming, Pet Zoonia, Aqua Life, Agric Edu, Edu Lounge, Chef Corner dan Pocket Stage.

"Ia memfokuskan pendidikan melalui hiburan, jadi pengunjung yang hadir ke sini dapat menambah pengetahuan mereka selain menimba pengalaman baharu yang mungkin tidak pernah dirasai sebelum ini.

"Agro Edutainment menampilkan pameran ekosistem padi yang sangat berguna kepada kehidupan selain memapar-

kan aneka ragam fauna di sawah sebagai pendedahan kepada pengunjung," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika di sini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kluster Agro Edutainment berkata, pengunjung berpeluang merasai sendiri penggunaan dron bagi sektor pertanian.

Tambah beliau, selaras tema MAHA 2022 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan', pengunjung dapat melihat konsep pertanian bandar bagi memberi kesedaran kepada masyarakat dan membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan.

"Bagi subkluster Aqua Life pula, ia memaparkan pelbagai kesenian dan kaedah menghisap tanaman di dalam air seperti susunan tumbuhan akuatik, batu dan kayu secara estetik di dalam akuarium dengan tataan gaya berbeza.

"Selain maklumat berbentuk pameran, pengunjung juga boleh menyertai seminar dan talk show yang diadakan bagi mereka yang berminat untuk mencubakan diri dalam bidang pertanian dan keusahawanan," jelasnya.

4/8/2022

SINAR
HARIAN
NEGERI PULAU
PINANG

28

Bubu naga ini diharamkan kerana ia merosakkan ekosistem marin

GEORGETOWN

Agensy Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang merampas 23 set bubu naga di dua lokasi berhampiran 1.7 batu nautika barat Penaga, di sini pada Selasa.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, rampasan itu dibuat melalui rutin rondaan Ops Pertiwi yang dilakukan bot ronda Maritim Pulau Pinang kira-kira jam 2.03 petang hingga 3.05 petang semalam.

Menurutnya, ketika membuat rondaan di dua lokasi terbabit, anggota telah menngesan pelampung penanda yang mencurigakan sebelum berjaya menemui 23 set bubu naga yang dipasang oleh individu tidak bertanggungjawab.

"Kesemua bubu naga tersebut dirampas dengan nilai rampasan dianggarkan bernilai RM2,760 sebelum dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut.

"Bubu naga ini diharamkan penggunaannya di laut kerana sifatnya yang tidak

Maritim rampas 23 set bubu naga



Sebanyak 23 bubu naga yang dirampas oleh Maritim Malaysia Pulau Pinang pada Selasa.

selektif dan merosakkan ekosistem marin serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain," katanya menerusi kenyataan di sini pada Rabu.

Abd Razak berkata, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3) (c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sebarang aduan atau keceemasan di laut boleh terus menghubungi Maritim Malaysia di talian 24 jam MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Pulau Pinang di **04-262 6146**.

Nafas menanti pengunjung bertuah untuk menangi bar emas sempena MAHA 2022 bermula hari ini

PETALING JAYA - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) pada tahun ini sekali lagi berusaha memberi sokongan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang akan berlangsung selama 11 hari bermula 4 Ogos hingga 14 Ogos ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps), Serdang.

Menurut Pemangku Pengurus Besar Nafas, Saripol Baharin Karim, menariknya tahun ini, Nafas selaku Rakan Penaja MAHA 2022 akan mengemukakan beberapa aktiviti dan juga peraduan yang menjanjikan hadiah menarik untuk dibawa pulang oleh orang ramai yang mengunjungi Pavilium Nafas di Dewan A, Maeps.

"Melalui peraduan Jawab



SARIPOL BAHARIN KARIM



Nafas turut terlibat sama di Laman Mekanisasi yang dimeriahkan dengan aktiviti serta mempamerkan jentera dan produk keluarannya.

66

"Istimewanya, hanya seorang pengunjung bertuah akan memenangi Bar Emas seberat 50 gram."



Para pengunjung dan pemain industri dapat menggunakan peluang ini untuk melihat secara dekat dan mendapatkan maklumat lanjut terus melalui pemamer Nafas di tempat-tempat tersebut.

Sebarang maklumat lanjut berhubung aktiviti dan program anjuran Nafas sepanjang di MAHA 2022 boleh didapati dengan melayari platform media sosial Nafas di Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok.

MAHA 2022
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrobusiness Show

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022

- 4 hingga 14 Ogos 2022
- 10.00 pagi hingga 10.00 malam
- Pavilium Nafas, Dewan A, Maeps, Serdang
- Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok

dan Menang, orang ramai yang berkunjung ke Pavilium Nafas hanya perlu menjawab soalan mudah dan berpeluang menyertai cabutan bertuah.

"Istimewanya, hanya seorang pengunjung bertuah akan memenangi Bar Emas seberat 50 gram. Selain bar emas, pengunjung juga berpeluang memenangi telefon bimbit, basikal lipat, tab, setenka stim, televisyen dan pelbagai lagi hadiah-hadiah yang lain," katanya.

Nafas turut menawarkan jualan harga murah beberapa produk terpilih dari jenama produk keluarannya.

Peladang dan juga jualan penghabisan stok minyak pelincir jenama NAFASLUBE.

Nafas juga menampilkan tiga orang cef yang akan membuat demo masakan berasaskan produk jenama Peladang iaitu Cef Naerni, Cef Danish Harraz dan Cef Zam Akmat di Pentas Utama, Dewan A.

Nafas turut terlibat sama di Laman Mekanisasi, Laman Padi dan Laman Agroedutainment yang dimeriahkan dengan aktiviti serta mempamerkan produk-produk keluarannya.

Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minut

KOTA TINGGI – Tidak sampai setengah jam sebanyak 300 ekor ayam habis dijual selepas diserbu masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penawar di sini sempena Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) Keluarga Malaysia, semalam.

Keadaan hujan tidak menghalang orang ramai untuk mendapatkan barang asas pada harga yang murah melalui program yang berlangsung di Peladang Outlet Bandar Penawar itu.

Pengunjung berpeluang mendapat subsidi sebanyak RM5 bagi setiap pembelian ayam selain dapat menikmati penurunan harga telur dari RM13 kepada RM10 sekotak juga tawaran minyak peket pada harga RM2.50.

Bagi seorang pengunjung, Rosyati Hashim, 57, dari Felda Sungai Mas berkata, dia dapat membeli dua ekor ayam pada harga seekor ayam.

Katanya selain itu dia amat gembira kerana bekalan minyak peket amat mudah diper-

olehi melalui program itu.

“Memang dapat jimat banyak. Dalam keadaan sekarang dengan harga barangan yang naik mendadak, bila dianjurkan program seperti ini memang amat melegakan.

“Minyak masak peket di mana-mana pun sekarang susah hendak dapat tapi di sini banyak.

“Kami harap program seperti ini diadakan dengan lebih kerap kerana ia benar-benar dapat meringankan beban rakyat dengan harga ditawarkan,” katanya semalam.

Terdahulu program anjuran bersama Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penawar, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kota Tinggi itu dirasmikan ADUN Penawar, Fauziah Misri.

Fauziah berkata, beliau amat terharu kerana orang ramai telah mula menunggu dua jam lebih awal dari masa program bermula dalam keadaan hujan lebat.



FAUZIAH (kanan) melancarkan Program JTDL Keluarga Malaysia di Peladang Outlet Bandar Penawar, Kota Tinggi semalam.



04 AUG, 2022

Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minit

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minit

KOTA TINGGI – Tidak sampai setengah jam sebanyak 300 ekor ayam habis dijual selepas diserbu masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penawar di sini sempena Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) Keluarga Malaysia, semalam.

Keadaan hujan tidak menghalang orang ramai untuk mendapatkan barang asas pada harga yang murah melalui program yang berlangsung di Peladang Outlet Bandar Penawar itu.

Pengunjung berpeluang mendapat subsidi sebanyak RM5 bagi setiap pembelian ayam selain dapat menikmati penurunan harga telur dari RM13 kepada RM10 sekotak juga tawaran minyak peket pada harga RM2.50.

Bagi seorang pengunjung, Rosyati Hashim, 57, dari Felda Sungai Mas berkata, dia dapat membeli dua ekor ayam pada harga seekor ayam.

Katanya selain itu dia amat gembira kerana bekalan minyak peket amat mudah diper-

olehi melalui program itu.

"Memang dapat jimat banyak. Dalam keadaan sekarang dengan harga barangan yang naik mendadak, bila dianjurkan program seperti ini memang amat melegakan.

"Minyak masak peket di mana-mana pun sekarang susah hendak dapat tapi di sini banyak.

"Kami harap program seperti ini diadakan dengan lebih kerap kerana ia benar-benar dapat meringankan beban rakyat dengan harga ditawarkan," katanya semalam.

Terdahulu program anjuran bersama Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penawar, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kota Tinggi itu dirasmikan ADUN Penawar, Fauziah Misri.

Fauziah berkata, beliau amat terharu kerana orang ramai telah mula menunggu dua jam lebih awal dari masa program bermula dalam keadaan hujan lebat.



FAUZIAH (kanan) melancarkan Program JTDL Keluarga Malaysia di Peladang Outlet Bandar Penawar, Kota Tinggi semalam.



04 AUG, 2022

Dua ekor ayam harga seekor, licin 30 minit

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA TINGGI - Tidak sampai setengah jam sebanyak 300 ekor ayam habis dijual selepas diserbu masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penawar di sini sempena Program Jualan Terus dari Ladang (JTDL) Keluarga Malaysia, semalam. Keadaan hujan tidak menghalang orang ramai untuk mendapatkan barang asas pada harga yang murah melalui program yang berlangsung di Peladang Outlet Bandar Penawar itu.



MOHD. SHAHRIR ALI



SHARIFAH ADLAN

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@mediamula.com.my

ADA pelbagai cara dapat dilakukan dalam menghulurkan kebaikan atau menyumbangkan sesuatu kepada yang memerlukannya.

Seperti usaha yang dilakukan sekumpulan lelaki berusia 50-an juga merupakan alumni Sekolah Datuk Abdul Razak (SDARA) mengambil inisiatif memulakan projek nurseri dan kebun bandar di rumah kebajikan.

Projek yang dijalankan di Rumah Titian Kaseh (RTK) itu dijalankan sejak awal tahun ini bertujuan memberi sumbangan secara berterusan dan lestari kepada penghuni-penghuni rumah berkenaan.

Berkongsi kepada *Utusan Malaysia*, wakil SDARA, Mohd. Shahrir Ali menyifatkan bantuan itu sebagai amal jariah yang berterusan daripada kumpulan berkenaan kerana ia akan berperanan sebagai salah satu sumber kewangan pusat perlindungan anak yatim, ibu tunggal dan warga tua itu.

Mengenal rumah berkenaan melalui bekas majikannya yang juga tokoh politik, Allahyarham Tan Sri Sanusi Junid yang sering berkongsi rezeki bersama mereka membuatkan dia turut terinspirasi untuk melakukan hal yang sama.



RUMAH Titian Kaseh menjana pendapatan sendiri menampung perbelanjaan bulanan rumah kebajikan terletak di Tasik Titiwangsa.

Bantu golongan kurang bernasib baik

Kebun sayur 'titian kasih'



MAHANI AMAT@HALIMI

Dorongan itu menjadikan dia tidak segan silu menyuarakan hasrat membuka kebun sayur yang nantinya akan menjadi sumber pendapatan kepada penghuni-penghuni dalam akaun Facebook miliknya.

"Tidak sangka hantaran itu kemudiannya mendapat sambutan baik daripada rakan-rakan sehingga ada yang memperkenalkan saya dengan pakar pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai langkah persediaan.

"Malah, rakan-rakan SDARA yang bersekolah sama 1985 turut bekerja keras mengumpul dana sehingga RM5000 dalam masa tiga hari sahaja untuk dijadikan modal permulaan projek," katanya yang juga konsultan dalam



Kita mahu bangunkan pertanian dengan kaedah yang betul kerana ia bukan sahaja akan menjadi hasil jualan malah turut dapat dijadikan sumber makanan yang mudah diperoleh penghuni-penghuni rumah ini."

bidang perhotelan.

Malah, status rumah perlindungan itu yang tidak mendapat sebarang peruntukan dan bantuan daripada kerajaan menguatkan lagi hasrat mereka untuk membantu meringankan beban.

"Jadi permulaan, salah seorang ahli kumpulan kami melantik kontraktor untuk membina sebuah tembok untuk dijadikan tempat penanaman di halaman rumah RTK.



MAHANI Amat (kiri) berkongsi ilmu penjagaan kebun sayur dengan penjaga, Nor Jalton Husin.

"Dengan bantuan pakar dari UPM kami dapat menanam beberapa jenis sayuran untuk jualan dan juga nurseri untuk penjualan anak pokok dan bijih benih," tambahnya.

PERTANIAN ORGANIK
Sementara itu, Pegawai Agrikultur UPM, Mahani Amat@Halimi berkata, penglibatan UPM adalah salah satu khidmat masyarakat bagi membantu orang awam.

Pembabit dalam projek ini menjadi platform kepada pihak universiti untuk berkongsi ilmu dan pengetahuan kepada mereka yang berminat untuk memulakan pertanian.

"Jadi kita bantu mereka di sini untuk menguruskan kebun dan nurseri dengan cara yang betul agar dapat mendatangkan hasil kelak. Menggunakan konsep pertanian bandar, kita berikan kursus dan latihan asas penanaman kepada mereka.

"Kita mahu bangun pertanian dengan kaedah yang betul kerana ia bukan sahaja akan menjadi hasil jualan malah ia turut dapat dijadikan sumber makanan yang mudah diperolehi oleh penghuni-penghuni rumah ini," katanya.

Setakat ini terdapat lebih 10 jenis tanaman yang terdapat di halaman rumah berkenaan termasuk sayuran jenis berbuah dan berdaun iaitu terung panjang, cili, kubis termasuk beberapa jenis tanaman herba.



ATIKAH Puteri Abdul Rahman, 19, dan Puteri Nurul Fatin Najihah, 14 (kiri) membarui membakar biskut dan membungkus bawang goreng.

Menurut Mahani, tujuan tanaman itu dicampur adalah untuk menggalakkan konsep kawalan biologi kerana fungsi tanaman herba itu sendiri yang mengeluarkan bau untuk menghalau serangga perosak.

"Kerana kita mahu menjadikan ini sebagai penanaman organik yang selamat untuk semua orang tanpa penggunaan sebarang racun sintetik.

"Malah, kita turut mengajarkan penghuni-penghuni yang menjaga kebun sayur ini untuk menghasilkan sendiri kawalan serangga perosak

menggunakan bahan-bahan organik dan mudah didapati seperti bawang putih, serbuk cili dan sebagainya," tambahnya.

Selain itu, kebun berkenaan turut dibangunkan dengan konsep petik dan beli.

Oleh itu, bagi penggemar sayur segar dan organik boleh membawa seisi keluarga untuk beriadah sambil membeli dengan memetik sendiri sayur-sayuran yang ingin dibeli.

Setakat ini, kebun berkenaan sudahpun melakukan tuai yang pertama dan menjangkakan jualan juga dapat terus dibuka.

Pendapatan tambahan

DALAM pada itu, Pengasas RTK, Sharifah Adlan melahirkan rasa syukur kerana ada pihak yang sanggup menghulurkan bantuan memberi peluang pendapatan baharu kepada golongan kurang bermasib baik.

Sejak ditubuhkan pada 1998, Sharifah melakukan pelbagai usaha untuk menanggung anak yatim, warga tua dan ibu tunggal yang berlandung di bawah organisasinya tanpa bantuan daripada pihak kerajaan.

"Selama bertahun-bertahun, kami menampung segala perbelanjaan bernilai RM65,000 sebulan meliputi tiga rumah yang disewa untuk tiga kategori penghuni dengan menjual pelbagai jenis kuih yang dibuat sendiri dan pakaian terpakai yang didermakan oleh orang ramai.



Dengan adanya kebun sayur dan nurseri ini, ia akan memberikan sumber pendapatan baharu kepada kami."

"Dengan adanya kebun sayur dan nurseri ini, ia akan memberikan sumber pendapatan baharu kepada kami. Ibu-ibu tunggal di sini ditugaskan untuk menjaga dan menguruskan kebun berkenaan pada waktu pagi," kongsinya.



NOR Jalton Husin berbual mengenai anak pokok sayur dengan sukarelawan, Zamrus Zakaria.

PAS jalin kerjasama strategik di Sabah

Oleh
AHMAD HUSNAYAN

TAWAU: Bagi menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU-15) PAS bersama kerajaan yang ada sekarang akan membuat pelan tindakan yang terbaik.

Setiasaha Majlis Syura Ulama PAS Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, di Sabah dan Sarawak PAS juga akan mengadakan kerjasama dengan kerajaan yang memerintah negeri tersebut sekarang.

"Kita mahu sebuah kerjasama yang padu bagi membolehkan gabungan itu mencapai kejayaan lebih besar berbanding PRU lepas," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Agung PAS Tawau baru-baru ini.

Menurutnya juga PAS menyokong penuh Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti yang diluluskan di Parlimen Khamis lepas.

Kata beliau perbuatan wakil rakyat yang suka



Dr Nik Zawawi Salleh melawat projek pertanian di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

lompat parti merupakan amalan tidak sihat dalam pentadbiran negara.

"RUU tersebut perlu dilaksanakan dan disokong supaya sistem politik negara kembali mendapat kepercayaan rakyat dan pelabur luar," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, majoriti rakyat di negara ini akan mengundi berdasarkan manifesto yang dibawa sesebuah parti.

Katanya jarang pengundi memilih calon Bebas kecuali di beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu Dr Nik Muhammad Zawawi yang Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan berkata, sektor pertanian perlu berjalan seiring dengan teknologi sekiranya mahu bersaing di peringkat global.

Katanya, penggunaan teknologi mampu menjimatkan tenaga, masa dan wang ringgit berbanding kaedah lama.

"Kalau kita lihat di kawasan pertanian yang menggunakan teknologi moden, mereka mampu menghasilkan tanaman tiga kali ganda," katanya.

Gelak, perli 'makanan' berjaya

Ibu enam anak cerita liku-liku membangunkan perniagaan Harraz Chew Me

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ramai dalam kalangan masyarakat kini berlumba-lumba menjadilah usahawan terutama dalam bidang kosmetik kerana ia menjanjikan pulangan yang lumayan.

Tidak kurang juga trend sekarang yang menyaksikan pembabitan anak muda dalam bidang saham dan sebagainya.

Namun, bagi pemilik perniagaan Hasz Trading, Haszllila Jalil yang lebih mesra disapa Umi, beliau mempunyai pandangan berbeza.

Ibu kepada enam anak ini memilih bersara awal untuk lebih fokus kepada anak dengan membuka kedai produk Muslim.

Hasil keberanian itu juga, Haszllila kini memperoleh peluang mengeluarkan makanan kanak-kanak keluaran Muslim, jenama sendiri iaitu Harraz Chew Me.

Berkongsi pengalaman saat mula-mula memperkembangkan Harraz Chew Me iaitu gula-gula separa kenyal yang mudah dimakan, Haszllila berkata, banyak kata negatif



Ada yang gelak, perli ada juga yang cakap kalau tak balik modal boleh makan balik gula-gula tu sampai kenyang'

Haszllila

penting berkhasiat," katanya.

Harraz Chew Me adalah gummy atau pastil iaitu gula-gula separa kenyal serta mudah dimakan, mengandungi saffron, gam Arab dan garam bukit yang baik untuk penghadaman, keceerdasan minda dan imunisasi.

Didatangkan dengan tiga perisa buah-buahan iaitu anggur, oren dan epal hijau, Harraz Chew Me kini boleh didapati di rangkaian Kedai Mesra, Petronas seluruh Malaysia dan kedai serbaneka terpilih.

Menariknya, kolaborasi bersama Didi & Friends menjadikan jenama Harraz Chew Me lebih kukuh dan mudah dikenali.

Sepanjang pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro

Pelancongan Malaysia (MHA) 2022 yang berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos ini, bagi yang ingin merasa sendiri keenakan Harraz Chew Me, kunjungi booth Hasz Trading.

Pelbagai aktiviti menarik dan badih turut disediakan kepada pengunjung.

Selain MAHA, Harraz Chew Me juga sangat aktif menyertai pelbagai ekspo seluruh negara seperti Selangor International Halal Convention, Penang International Halal Expo & Conference, MIHAS bagi mencari ruang memasarkan ke peringkat antarabangsa.

Kini Harraz Chew Me sedang mempersiapkan diri memasuki pasaran balai di Kanada, Cameroon dan Thailand.

Selain Harraz Chew Me, Hasz Trading juga memiliki kedai serbaneka dan menjual produk sejuk beku bernama Harraz Mart dengan empat cawangan iaitu di Shah Alam, Cyberjaya, Putrajaya dan Senawang, Negri Sembilan.

Hasz Trading juga membekalkan ayam kampung segar berjenama Ayam Kampong Harraz yang dipasarkan di seluruh Malaysia.



HASZLLILA bersama produk makanan kanak-kanak Harraz Chew Me iaitu gula-gula separa kenyal yang mudah dimakan.

yang dilemparkan kepadanya.

Namun, semua itu tidak mematahkan semangatnya memberikan yang terbaik kepada anaknya tetapi untuk semua kanak-kanak.

"Ada yang gelak, perli dan ada juga yang cakap kalau tak balik modal boleh makan

manisan itu satu kemestian dan pada pengamatan saya, jika dibiarkan ia pasti akan memudaratkan kesihatan mereka.

"Dari situlah teretusnya idea menghasilkan satu produk menggantikan snek yang boleh dimakan pada bila-bila masa, sedap, mudah untuk didapati dan yang

4/8/2022

SINAR
HARIANNEGERI
SELAGOR

24

'Agro Food Park sedia barangan pertanian, makanan sedap'

SHAH ALAM - Orang ramai yang mahu mencari barang-barang berkaitan industri asas tani dan makanan sedap serta menarik sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancungan Malaysia (MAHA) 2022 yang bermula hari ini hingga 14 Ogos nanti boleh mengunjungi Agro Food Park.

Penganjur Agro Food Park, Nik Nor Baizura Sabtiamad daripada Ultimate Titan Sdn Bhd berkata, seramai 118 peserta pameran dan jualan di bawah Agro Food Park akan menyertai ekspso MAHA 2022 yang dibahagikan kepada dua bahagian.



NIK NOR BAIZURA



NEDA



MOHAMAD FAISAL

Jelasnya, bahagian pertama melibatkan 72 peserta yang akan mempamerkan barang-barang dan jualan yang mempunyai kaitan dengan industri asas tani.

"Selepas itu, kita ada bahagian kedua yang terdiri daripada 'Asian Food Fest'. Ada 46 penggerat yang menjual makanan.

"Ia merupakan tempat ma-

kan yang besar dan selesa disediakan (untuk pengunjung).

"Tempat ini boleh memuatkan 500 pengunjung pada satu-satu masa," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Tambah Baizura, pihaknya juga menyediakan pelbagai aktiviti sepanjang 11 hari MAHA 2022 berlangsung di MAEPS, Serdang.

"Kita ada *treasure hunt*, *happy hour*, demonstrasi makanan, silap mata dan tiap-tiap hari ada persembahan buskers bermula jam 6 petang hingga malam," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengurus Komunikasi Korporat Ultimate

Titan, Neda Alip Kadir berkata, pihaknya turut menganjurkan program larian Fun Run sejauh 5 kilometer pada 13 Ogos.

Sementara itu, peserta MAHA 2022, Mohamad Faisal Mohamed Norawi, 40, berkata, dia tertunggu-tunggu ekspso ini kembali diadakan.

"Cita-cita saya untuk menyertai MAHA telah tercapai. Saya dapat berkenalkan lagi produk-produk yang kami bawa terutama tanaman vanila untuk diketengahkan di Malaysia," katanya.

Mohamad Faisal juga berharap dapat membuat jualan yang baik semasa ekspso berlangsung.

4/8/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

31

Lambakan ayam: Penternak kecil berisiko gulung tikar

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**
dan **ROHANA ISMAIL**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Lambakan ayam dan kejatuhan harga makanan asas itu di pasaran ketika ini mengakibatkan para penternak dari negeri Kedah dan Kelantan kini merana, malah berisiko gulung tikar terutama bagi mereka yang masih baharu dalam bidang itu.

Di Alor Setar, seorang penternak, Mazlina Kamarudin, 54, yang juga Pengarah Urusan Bisnes Empire Sdn. Bhd., berkata, penternak mengalami kerugian sehingga RM3.50 setiap kilogram (kg) memandangkan kos menternak adalah RM7 setiap kg.

"Keadaan ketika ini menjadi semakin parah. Dahulu, ayam kurang dan mahal orang berebut beli ayam, sekarang ini, penternak ayam dalam keadaan kelemasan. Sudah tak tahu nak buat apa sebab orang hanya nak beli pada harga RM3.50 per kg.

"Sedangkan kos menternak ayam RM7. Ayam sekarang pun



NURUL ANIEZAH AB. RAHMAN menunjukkan harga ayam yang dijualnya di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung, Kota Bharu, Kelantan semalam. - **UTUSAN/ROHANA ISMAIL**

besar-besar, kalau seekor 3kg kita rugi RM10.50. Penternak hanya dapat subsidi RM1.20 untuk hanya 1.8kg iaitu RM2.16. Jadi, rugi lagi RM8. Kalau menternak sejuta ekor sebulan, berapa rugunya. Memang ter-

sungkur dan akan gulung tikar," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Sementara itu, di Kota Bharu, jualan ayam segar di negeri ini semakin perlahan dan tidak banyak dibeli meskipun dijual

di bawah harga kawalan iaitu RM7 sekilogram.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung mendapati bekalan ayam meningkat sekali gus menyaksikan berlaku 'lambakan'.

Peniaga, Nurul Aniezah Ab. Rahman, 43, berkata, situasi itu menyebabkan dia berdepan kesukaran untuk menjual bahan mentah itu meskipun bekalan mudah untuk diperolehi daripada pembekal.

"Masa ayam dijual pada harga RM10 sekilogram, saya dapat menjual sekitar 100 ekor sehari. Namun, sejak bulan lepas nak habiskan jualan 30 ekor ayam sehari pun 'sakit'.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Fasek Raja, Pasir Mas pula mendapati ayam segar dijual dengan harga RM7.50 sekilogram.

Peniaga, Kharizal Othman, 50, berkata, dia dan rakan-rakan tidak lagi berdepan masalah mendapat bekalan ketika ini kerana mudah diperolehi daripada pembekal.



AMAT munasabah menawarkan pencen sebanyak RM500 sebulan untuk setiap pesawah yang mencapai umur 60 tahun. - GAMBAR HIASAN

Wujudkan skim pencen pesawah

SAUDARA PENGARANG,

KRISIS bekalan makanan yang melanda dunia sekarang merupakan satu peringatan kepada kita bahawa kedaulatan makanan dengan hasil sendiri adalah amat penting untuk keselamatan dan kesejahteraan sesebuah negara.

Setakat ini, import makanan Malaysia hampir mencecah RM65 bilion setahun. Sebahagian besar adalah makanan asas seperti bijirin (beras, gandum, jagung), sayur-sayuran, ikan serta susu.

Dalam konteks penanaman padi, hasil dapat ditambah jika subsidi input seperti baja, benih dan racun yang sekarang diberikan kepada syarikat-syarikat terpilih disalurkan terus dalam bentuk tunai atau baucar kepada pesawah.

Perkhidmatan kebanyakan syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan baja, benih dan racun kepada pesawah kurang memuaskan kerana barangan dibekalkan berkualiti rendah, tidak sesuai untuk semua jenis sawah dan sering dihantar lewat sehingga menjejaskan pengeluaran padi.

Oleh itu, disarankan peruntukan sama disampaikan melalui tunai atau baucar supaya pesawah dapat memilih barangan yang terbaik dan sesuai dengan kaedah pertanian dan tanah sawah mereka.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan semangat pesawah untuk bekerja bersungguh-sungguh, mereka perlu ditawarkan Pencen Warga Emas.

Pesawah tidak boleh menukar status tanah untuk aktiviti pertanian lain atau penternakan tanpa izin daripada kerajaan negeri. Polisi ini telah dikuatkuasakan sejak zaman British kerana kerajaan sedar bahawa bekalan beras adalah amat penting untuk rakyat.

Jadi, amat munasabah untuk menawarkan pencen warga emas sebanyak RM500 sebulan

bagi setiap pesawah yang mencapai umur 60 tahun kerana mereka telah berkorban untuk membekalkan kita barangan makanan asas dengan harga terkawal.

Kedua, dari segi sayur-sayuran. Kawasan tanaman sayur sedia ada perlu dkekalkan sebagai tapak pengeluaran makanan.

Pada masa ini, 75 peratus daripada pengeluaran sayur-sayuran di Semenanjung diusahakan di atas tanah kerajaan yang terbiar.

Ramai daripada pekebun sayur merupakan generasi ketiga. Datuk nenek mereka menerokai kebun sebelum Perang Dunia Kedua.

Sekarang walaupun penanaman sayur hanya mengambil empat peratus daripada jumlah tanah pertanian di Malaysia, pekebun sedang diancam pengusiran secara besar-besaran oleh pemaju-pemaju projek perumahan dan perindustrian.

Oleh itu, kawasan yang telah dilupuskan kepada pemaju tetapi masih diusahakan oleh pekebun, harus diambil balik oleh kerajaan negeri dan dibenarkan untuk meneruskan penanaman sayur di situ. Tanah gantian boleh diberikan kepada pemaju.

Kawasan penanaman sayur itu harus diberi pajakan dengan tempoh 10 hingga 20 tahun kepada petani dengan syarat tidak boleh menukar kepada tanaman lain seperti kelapa sawit dan getah.

Jika terbiar untuk lebih setahun, ia boleh diambil balik oleh kerajaan negeri dan dipajak kepada pekebun lain.

Pengalaman dan kemahiran para pekebun kecil dalam bidang menanam sayur-sayuran harus dipandang sebagai satu aset kepada negara dalam usaha menjamin makanan untuk rakyat. Jangan sia-siakan aset ini.

JARINGAN PENGELUAR MAKANAN
Kuala Lumpur

Urban farming the way forward for food security

■ BY SURAYA ALI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Urban farming on rooftops and car parks began due to necessity and lack of land.

But, that is not entirely the case in Malaysia, where even in urban areas, there are pockets of land owned by authorities or developers that are underutilised.

"Our government must first allow the use of unutilised land for individuals or community groups to start gardens and farms," said aquaponics and hydroponics operator Anuar Kamal Ismail.

He said even underused areas in shopping malls have the potential to become urban garden centres that can feed the community.

"Most buildings have rooftop gardens, but what is grown there is purely for beauty and landscaping and not edible. As such it is a waste of space and resources."

Anuar Kamal said Malaysians do not realise the urgency to resolve the nation's food security issues.

He said people should focus on

► Govt must allow use of idle land for individuals or community groups to start gardens and farms, says aquaponics and hydroponics operator

long-term solutions to the food security problem.

He added that private home owners should consider developing their own gardens while housing communities should start community gardens.

"The problem is that many people do not want to work together, including government agencies."

He shared how his aquaponics effort hit a roadblock when staff at the Agriculture Ministry did not help much, saying the rearing of fish in his aquaponics system did not come under the ministry's purview.

He said if a home had a single system with just one type of

vegetable or one species of fish, the owner would not be able to enjoy much variety.

"How much baby pak choy can one eat every day?"

Anuar added that on the other hand, if as few as five homes come together, plan and execute an aquaponics or hydroponics system, they can all enjoy five different types of vegetables and fish.

He said an aquaponics system for a private home is achievable but would not be practical if not done in small groups.

"The cost of an aquaponics system can start from RM3,000 and a hydroponics system, from RM1,000, depending on the size."

He added that annual

maintenance cost for both systems would be between RM200 and RM500, depending on the size.

Anuar said Malaysians should start by fully utilising land pockets in urban areas and at their homes.

"Get comfortable with planting, and then maybe we can adopt the hydroponics or aquaponics system to further strengthen our food security."

Commenting on the Singapore government's move to rent out underutilised spaces to be used as urban farms, he said some of them produce up to 400kg of vegetables per day.


The project that began in 2020 is part of Singapore's plan to increase local food production as the country imports 90% of its food.

Last week, *theSun* reported that about 100 farmers and fishermen gathered outside Parliament to highlight local food production and security issues.

The group called on the government to recognise land used for food production as sensitive land to maintain food security.

'Let us export again'

With the country's chicken supply back in full flight, poultry farmers want the export ban to Singapore lifted. They also fear any delay will mean losing the lucrative market to other source countries. > See page 4 for stories by REMAR NORDIN and LO TERN CHERN



Farmers: Lift chicken export ban

'Resume shipments to Singapore before we lose out to competitors'

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: Poultry farmers want chicken exports to Singapore resumed quickly before the country loses its market to other competitors.

With Singapore importing 34% of chicken or 3.6 million birds from Malaysia, worth some US\$18.9mil (RM84.24mil) in 2020, breeders say moving swiftly is imperative in order not to lose out to countries like Indonesia.

"This is especially vital now because chicken supply in the country has stabilised," said Johor Poultry Breeders (Small and Medium) Association secretary Lau Ka Leng.

"The longer we delay, the higher the chances of us losing out to other countries that are now exporting chicken to Singapore.

"Malaysia still has the upper hand due to being located nearby and having the ability to send live chicken supplies that will be processed and frozen in Singapore.

"We do not want the island republic's consumers to be accustomed to the chicken supply from Indonesia, which is frozen, chilled and processed meat."

He added that the price of chickens from Indonesia would also be more expensive to cover the shipping cost.

He also said that the association has sent a request to the government to lift the export ban.

In Parliament on Monday, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande said Malaysia was now in a situation where there was an oversupply of chicken and hence was in a position to export chicken.

Khande said Malaysia faced dis-

ruption in chicken production several months ago, but this had been overcome by policy measures, including increasing imports and ceasing exports.

The move, he added, resulted in an oversupply of chicken and caused the price to drop below the ceiling price set by the government.

Lau said currently, the local poultry industry would only be able to send about one million birds per month to Singapore, compared to three million before the export ban was introduced on June 1.

In order to be competitive, the price of chicken from Malaysia should be affordable compared to the supply of frozen chicken that Singapore currently imports from Indonesia and Thailand.

Johor Chicken Wholesaler Association president Mohd Azmi Abdullah said a delay in lifting the export ban would only kill the poul-

try industry in the country due to oversupply.

"The ceiling price for chicken is RM9.40 per kg. When oversupply occurs, the price of chicken will go down, but at the same time, the cost of breeding chickens does not change.

"Those with huge capital might be able to survive with the help of the government subsidy, but the smaller breeders will have to run their business at a loss and eventually close down," he said.

To help the industry recover, Mohd Azmi said the government should remove the ceiling price of chicken and only introduce it during festive seasons.

"This was done before, and it is high time we return to the previous regulations.

"If the government is worried that the export might reduce our supply, then limit the export. We

could always start the export with 10% or 30% and gradually increase the figure when needed.

"This is crucial if we want to make sure there is a flow in our market," he said, adding that another wave of supply shortage would occur in September if poultry breeders decide to reduce supply to cut cost.

The government had earlier banned the export of up to 3.6 million chickens from June 1 in its efforts to tackle the supply and pricing issues for chickens.

Prior to this, Singapore imported about a third of its chicken, or more than two million birds per month, from Malaysia.

Following Malaysia's export ban, Singapore said it expected more supplies of chilled chicken from Australia, Indonesia and Thailand, as well as frozen chicken from Brazil and the United States.

Breeders struggling with higher production costs

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: One man's meat is another's financial poison – even as consumers rejoice that chicken prices have dropped because of excess in supply, poultry farmers are struggling to cope with high production costs.

They have to spend about RM7 for every kilogramme of chicken and the retail price of chicken has dropped to RM3.50 per kg.

Bismi Empire Sdn Bhd managing director Mazlina Kamarudin said the industry experienced a chicken surplus following the ban on its export.

She called on the Federal Government to stop chicken imports and reopen exports to stabilise the market supply.

"When exporters in Johor are unable to export the birds to Singapore, the surplus will be sent to Selangor, and this will affect suppliers from the northern region.

"The high price of chicken feed like soy and corn as well as other raw materials is among factors leading to the high cost of rearing chickens.



Market supply: An employee arranging frozen chicken at Mydin Hypermarket in Bukit Jambul. – LIM BENG TATT/The Star

"The price of chicken feed has increased from RM80 to RM135 since October last year.

"It was only this month that the price was reduced by RM1," she added.

Mazlina said the welfare of chicken farmers should also be safeguarded, adding that the government should set a floor price to ensure farmers do not lose too

much when market prices go down.

"The welfare of farmers needs to be taken into consideration as chickens are perishable items.

"It is a risky business as an outbreak can easily wipe out a chicken farm.

"What's important is to ensure that supply is not disrupted – the government should provide a supply buffer.

"I'm worried that if the price continues to drop and farmers continue to suffer losses, they may stop rearing again.

"It may eventually cause another shortage later.

"As farmers, we always want sufficient supply of chicken in the market sold at an affordable price," she added.

Mydin Malaysia executive direc-

tor (northern) Azmin Saduruddin said the chicken supply was now back to normal, but demand for eggs in hypermarkets was still high.

"We are now selling about one tonne of chicken in each of the five hypermarkets in the northern region daily.

"But for eggs, if we order about 300 trays of them, the supplier can only deliver about 100. There is a shortage of Grade C eggs especially.

"Suppliers said the shortage was due to new batches of chicken being reared, which are not able to produce larger eggs.

"Hopefully, within the next three months, the birds would have grown and produced large enough eggs to meet market demand," he said.

As for cooking oil, Azmin agreed with the government fixing a ceiling price.

"If the stipulated price of cooking oil keeps fluctuating, it is hard for us to keep stock coming in.

"We might have to hold back on orders to remain competitive in the market," he added.

Mydin opened its 67th hypermarket in the country, in Tunjong, Kelantan, in March.